UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN BERKAITAN PENGGREDAN SEMULA SEKOLAH MENENGAH DAN KELAYAKAN ELAUN TUGAS PENTADBIRAN SEKOLAH

Kementerian Pendidikan (KPM) memahami kebimbangan Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) sekolah menengah berhubung Elaun Tugas Pentadbiran Sekolah (ETPS) susulan penggredan semula sekolah yang berkuat kuasa 11 Januari 2026. KPM menghargai sumbangan GKMP dalam menyelia mata pelajaran dan meningkatkan pencapaian akademik sekolah.

Penggredan semula sekolah dilaksanakan berdasarkan tiga kriteria, iaitu enrolmen murid, bilangan penghuni asrama dan peringkat pendidikan. Berdasarkan penggredan ini, sekolah menengah kini terdiri daripada Gred A dan Gred B. Sebanyak 339 sekolah menengah naik daripada Gred B kepada Gred A, manakala 626 sekolah menengah turun daripada Gred A kepada Gred B.

Di bawah peraturan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa, hanya GKMP di sekolah menengah Gred A yang layak menerima ETPS sebanyak RM120 sebulan. Perubahan taraf gred sekolah menengah ini memberi kesan kepada 3,860 penyandang GKMP.

Berhubung perkara ini, KPM telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak kesatuan dari Mac hingga Julai 2026. Dalam sesi tersebut, kesatuan mencadangkan agar rayuan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya GKMP sekolah menengah Gred B layak menerima ETPS. Berdasarkan cadangan itu, KPM telah mengemukakan surat rayuan kepada JPA pada 13 Ogos 2026. Melalui surat bertarikh 23 September 2026, JPA memaklumkan rayuan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.

Bagi mematuhi peraturan yang berkuat kuasa, KPM akan menghentikan bayaran ETPS kepada GKMP yang tidak lagi layak mulai November 2026. Pada 2027, KPM akan membayar tunggakan ETPS kepada 1,356 GKMP di sekolah menengah yang bertukar taraf kepada Gred A. Bagi 2,504 GKMP yang tidak lagi layak, KPM akan melaksanakan penyelarasan bayaran balik ETPS dan memastikan ia diuruskan secara berhemah supaya tidak membebankan guru yang terlibat.

KPM komited memelihara kebajikan guru dan terus bekerjasama dengan semua pihak, termasuk kesatuan dan agensi berkaitan, demi kesejahteraan warga pendidik.

TAMAT

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
3 NOVEMBER 2026